

# **TAMBAHAN KEPADA PROGRAM MEMFAILKAN BORANG BAGI TAHUN 2010**

## **1. PEMFAILAN BORANG NYATA CUKAI PENDAPATAN (BE, B, M, P, TP, TJ dan TF)**

### **1.1 Tarikh Akhir Pengemukaan Borang Nyata Cukai Pendapatan**

Punca Pendapatan	Tarikh Akhir Pengemukaan Borang
Tidak Menjalankan Perniagaan	30 April 2010
Menjalankan Perniagaan	30 Jun 2010

### **1.2 Tambahan Masa ('Grace Period') Penerimaan Borang Kertas Yang Dikemukakan Melalui Pos**

- i. Borang kertas (tidak termasuk borang elektronik melalui e-Filing) yang diterima selepas tarikh akhir pengemukaan sesuatu Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) dianggap sebagai telah diterima dalam tempoh yang ditetapkan jika diterima dalam tempoh 7 hari selepas tarikh akhir pengemukaan borang.
- ii. Tambahan masa penerimaan borang juga terpakai bagi bayaran baki cukai pendapatan di bawah subseksyen 103(1) ACP 1967.
- iii. Selain daripada keadaan dalam perenggan 1.2(ii) di atas, sebarang permohonan untuk tambahan masa membayar tidak akan dipertimbangkan.
- iv. Tarikh akhir pengemukaan borang adalah tarikh yang ditetapkan dalam Akta Cukai Pendapatan 1967.

### **1.3 Sistem e-Filing Borang BE, B, M, E dan P**

Sistem e-Filing Tahun Taksiran 2009 bagi individu, perkongsian dan majikan disediakan mulai tarikh seperti berikut:

<b>Jenis Borang Nyata</b>	<b>Modul Individu</b>	<b>Modul Ejen Cukai (TAeF)</b>
e-BE, e-B, e-M, e-E dan e-P	1 Mac 2010	1 Mac 2010

Sistem e-Filing Tahun Taksiran 2009 bagi syarikat sudah dibuka sejak 16.07.2009.

### **1.4 Pemprosesan Borang Nyata Cukai Pendapatan**

BNCP akan mula diproses pada 01.03.2010.